

Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (Corresponding author)¹, Muhammad Amirul Mohd Nor²,
Mohd Rashidi Omar³ & Norhisham Muhamad⁴
Email: ¹zulazizi0902@gmail.com, ²sheikh_amirul@ymail.com, ³mohd.rashidi@kkche.edu.my,
⁴nhisham@fsk.upsi.edu.my

¹Pensyarah Management and Science University, Kota Bharu

²Pensyarah Kolej Vokasional Nibong Tebal

³Pensyarah Kolej Komuniti Chenderoh

⁴Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Al-Quran mempunyai pelbagai cabang ilmu pengajian. Antaranya ialah ilmu tafsir, ilmu tajwid, ilmu qiraat dan sebagainya. Pengajian tentang bacaan al-Quran adalah salah satu cabang penting dalam pendidikan al-Quran. Membaca al-Quran dengan betul, bermakna kita memelihara ketepatan wahyu Allah SWT. Maka, artikel ini akan membincangkan secara ringkas mengenai al-Quran sama ada dari segi konsep ataupun pengertiannya bagi menyatakan kemukjizatan dan kesempurnaannya. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data berdasarkan kepada kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati, kemahiran, kepandaian dan ketetapan dalam pembacaan al-Quran perlu diketahui dengan baik mengikut sunnah sebenar. Akhirnya, pembacaan al-Quran dalam pendidikan hari ini turut didapati dan dijelaskan dalam kajian ini bagi menyatakan kepentingannya. Oleh sebab itulah, menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk menguasai bacaan al-Quran dan menjaga kesahihan bacaannya.

Kata kunci: Kemahiran, Ketetapan, Pembacaan al-Quran, Pendidikan Masa Kini

Quran Recitation in Education Today: A General Review

Abstract

The Quran has various branches of study. Among them are tafseer, tajweed, qiraat, and so on. The study of Quran recitation is one of the important branches of Quran education. Reciting Holy Quran correctly, means we preserve the accuracy of the revelation of Allah SWT. Therefore, this article will discuss briefly the Holy Quran either in terms of concept or meaning to express its miracles and perfection. This study is a qualitative study with data collection based on library research. The results of this study found that the techniques, skills, and rules in reciting the Qur'an should be well known according to the sunnah. Finally, the recitation of the Holy Quran in current education is also found and explained in this study to state its importance. So, it is the responsibility of every Muslim to master the recitation of the Holy Quran and maintain the authenticity of the recitation.

Keywords: Skills, Rules, Quran Recitation, Education Today

1. Pendahuluan

Penurunan al-Quran menandakan Baginda SAW dilantik secara rasmi menjadi utusan Allah SWT (Mohd Nawi, 2020). Umum mengetahui bahawa, Al-Quran yang ada pada kita sekarang adalah kitab suci yang diturunkan pada malam Jumaat, 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610M, tahun ke-41 keputeraan Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib, ketika sedang beribadat di Gua Hira (Qamhawi, 2003; Othman, 2012). Namun, menurut Syeikh Safiyyu al-Rahman, tarikh yang paling tepat turunnya al-Quran jatuh pada hari Isnin 21 Ramadhan bersamaan 10 Ogos tahun 610M ketika Baginda SAW berumur 40 tahun 6 bulan 12 hari mengikut hitungan qamariah dan 39 tahun 3 bulan 22 hari mengikut hitungan syamsiah (Al-Mubarakfuri, 1979). Dalam pada itu, al-Quran juga merupakan firman Allah SWT yang mempunyai mukjizat, diberikan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan malaikat Jibril a.s secara jelas, dirakamkan di dalam mushaf *Uthmani* yang dipindahkan kepada umat manusia secara *mutawatir* (berperingkat atas sebab penurunannya) dan mendapat

pahala bagi sesiapa membacanya selain menjadi perlembagaan abadi sepanjang zaman. Inilah takrif dan estimologi sebenar Al-Quran yang disepakati oleh ulama (Al-Saboony, 1985; Shihab, 2007). Antara nas-nas yang jelas menyatakan tentang penurunan al-Quran ialah;

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ
وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا
اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ {185}

(Surah al-Baqarah, 2: 185)

Maksudnya:

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.”

وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَلَ ۗ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا {105}

(Surah al-Israa', 17: 105)

Maksudnya:

Dan dengan cara yang sungguh layak serta berhikmat Kami turunkan Al-Quran, dan dengan meliputi segala kebenaran ia diturunkan; dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan sebagai pembawa berita gembira (bagi orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar)

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ {193} عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ {194} بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ {195}

(Surah Asy-Shu'araa', 26: 193-195)

Maksudnya:

Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah (193). Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia) (194). (Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata (195)

Hasbi Ashshiddiqi (1992) mengatakan bahawa, al-Quran mengandungi 150681 titik, 323,671 huruf, 77,437 perkataan, 6,236 ayat, 114 surah yang terkandung dalam 30 juzuk, 60 hizib dan 240 maqra'. Tambah Muhamad Don (2020) pula, sungguhpun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang bilangan ayat al-Quran ia tidaklah ketara kerana yang lebih penting ialah bagaimana umat Islam berinteraksi dengan al-Quran. Al-Quran semestinya dijamin oleh Allah SWT akan kekal selama-lamanya tanpa ditiru, ditokok tambah atau direka. Ini berdasarkan firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ {9}

(Surah al-Hijr, 15: 9)

Maksudnya:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ {77} فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ {78} لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ {79}

(Surah al-Waaqi'ah 56: 77-79)

Maksudnya:

Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan) (77). Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara (78). Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci (79)

Berdasarkan terjemahan ayat-ayat di atas sudah terang lagi bersuluh menunjukkan bahawa, keaslian al-Quran masih terjaga selamanya. Segala perbendaharaan yang ada tetap terpelihara dan dijaga rapi. Keajaiban dan kehalusan seni bahasanya tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Sentiasa mencakupi prinsipal dan fundamental kehidupan manusia di dunia sebagai panduan serta pegangan manusia dalam meneruskan kehidupan dunia yang menjadi titian ke akhirat kelak. Tidak dapat dinafikan, signifikan membaca al-Quran akan meneguhkan keimanan (Surah al-Anfaal, 8: 2), diberikan pembelaan (Hadis riwayat Ibnu Majah No. 3771), dijanjikan pahala yang besar (Al-Nawawi, 2019), dianugerahkan ketenangan hati (Surah al-Ra'd, 13: 28-29), penawar rohani spiritual (Surah Al-Isra', 17: 82-84), membersihkan jiwa daripada kekotoran (Surah Yunus, 10: 57), membentuk keperibadian diri yang sempurna (Surah Al-Hadid, 57: 16), mendidik umat supaya melakukan *amar makruf nahi mungkar* (Surah al-Fussilat, 41: 71), mengawal tindak tanduk manusia (Surah Qaf, 50: 17-18), memerihalkan keteladanan daripada tamadun terdahulu (Surah Yusuf, 12: 111-112), membimbing akal terhadap rahsia kekuasaan-Nya (Surah Asy Syura, 42: 32) dan lain-lain lagi.

2. Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kepustakaan manakala analisis dokumen digunakan bagi metode analisis data. Ia bagi mengambil dalil-dalil dari sumber Islam seperti al-Quran, Hadis dan sebagainya berkenaan perihal al-Quran. Di samping itu, turut menghuraikan konsep dan hukum hakam pembacaan al-Quran dengan terperinci berdasarkan dalil-dalil yang sahih selain turut menjelaskan pembacaan al-Quran dalam pendidikan hari ini.

3. Konseptualisasi Pembacaan Al-Quran

Membaca menggambarkan masyarakat bertamadun. Membaca juga menjadi santapan rohani bagi menggerakkan minda supaya seseorang itu berfikir (Mohd Nawi, 2016). Menurut Adhim (2007), membaca pada lazimnya merupakan aktiviti yang rumit kerana melibatkan banyak perkara, bukan sekadar menyebut tulisan, tetapi juga melibatkan aktiviti visual, pemikiran, psikologi dan metakognitif. Dalam proses visual, membaca terdiri daripada suatu proses menterjemahkan simbol dan huruf melalui kata-kata lisan. Dalam proses berfikir pula, membaca merangkumi aktiviti pengenalan kata, pemahaman kritis, interpretasi mendalam, penelaahan dan penaakulan yang baik. Membaca ialah melihat serta memahami isi dari apa yang tercatat, mencecah atau melafazkan apa yang ditulis (Departemen Pendidikan Nasional, 2002).

Begitu juga halnya dengan pembacaan al-Quran sebagai kitab hidayah dan *dustur ummah*, memberi pelajaran kepada orang-orang yang beriman. El-Muhammady (1991) menyatakan al-Quran adalah setinggi-tinggi anugerah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya (manusia dan jin) yang mesti dibaca dengan betul daripada aspek makhraj serta tajwidnya agar tidak tersasar maknanya. Keperluan kepada pembacaan al-Quran merupakan tuntutan fardhu 'Ain iaitu kewajipan ke atas individu Muslim yang mesti dilaksanakan kerana kesempurnaan bacaan al-Quran itu ada hubungan rapat dengan tuntutan kesepaduan tauhid dan akhlak. Seperti yang telah dinyatakan Ibnu Khaldun (1993) di dalam penulisan "Mukaddimah" bahawa, al-Quran itu teras epistemologi dan aksiologi Islam yang perlu dipelajari dan dibaca sejak kanak-kanak kerana membaca al-Quran dapat menimbulkan ketakwaan di dalam sanubari kanak-kanak tersebut.

Sementara itu pula, menurut Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2018), sebenarnya bacaan al-Quran cukup istimewa berbanding dengan mana-mana bacaan kitab ciptaan manusia kerana mempunyai pelbagai manfaat yang bersifat hakiki (Surah Al-An'am, 6: 155). Mereka yang menjadikan bacaan al-Quran sebagai sumber bacaan utama, sudah pasti akan membuahkan kesejahteraan dan kecemerlangan. Walau bagaimanapun, ada sesetengah ulama mengisyaratkan bacaan al-Quran bukan sekadar dibaca sehingga khatam bahkan memerlukan nilai kefahaman mengenainya. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan karya Al-Nawawi (2007) & Al-Zarkasyi (1972) yang berpandangan bahawa, ulama-ulama telah berijmak dengan mengatakan hukum membaca al-Quran tanpa *tadabbur*, *tazakkur* pada ayat-ayat dan membaca dengan kadar yang cepat

ialah makruh manakala membaca dengan tartil secara *tadabbur* ialah sunat. Satu juzuk diiringi tartil lebih baik berbanding dua juzuk tanpa tartil. Kefahaman terhadap al-Quran merupakan bonus dan suatu kelebihan yang diberikan daripada Allah SWT apabila terdapat kesungguhan untuk memahami segala isi kandungannya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran sebagaimana berikut:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكًا لِيَتَدَبَّرُوهُ وَآيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ {29}

(Surah Saad, 38: 29)

Maksudnya:

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا {24}

(Surah Muhammad 47: 24)

Maksudnya: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا {82}

(Surah An-Nisaa' 4: 82)

Maksudnya:

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelaslah bahawa, Allah SWT juga mengkritik golongan yang hanya tahu membaca dan tidak mahu memahami isi al-Quran. Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a pernah berkata bahawa, "tiada keistimewaan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya, dan tiada keistimewaan dalam membaca al-Quran bagi yang tidak *tadabbur* padanya" (Al-Darimi, 2007). Salah satu sifat bagi golongan *al-'Aarifin* apabila mereka menitikkan air mata ketika membaca al-Quran kerana tersentuh hatinya. Perkara ini lazim terjadi terhadap Rasulullah SAW, para sahabat dan tabi', tabi'in serta orang-orang mukmin yang hadir jiwanya ketika *tadabbur* ayat al-Quran. Oleh sebab itu, bagi memanifestasikan *tazawwuj* (kenikmatan) dalam pembacaan al-Quran, umat Islam digalakkan untuk mentadabbur terminologi ayat dan mengulang-ulangnya secara konsisten selain menekun, menelaah, mengupas serta mengkaji sedalam-dalam isi kandungannya sepertimana yang telah dilakukan oleh ulama-ulama terdahulu sehingga mereka mampu menggariskan pelbagai kaedah penting. Jelaslah bahawa, kitab suci al-Quran bukan sahaja perlu dibaca, difahami malahan hendaklah diteliti setiap hukum yang termaktub di dalamnya selain menghayati dan mengamalkan segala perintah dan menjauhi segala larangan.

4. Kemahiran Membaca Al-Quran

Kemahiran membaca al-Quran merupakan satu kebolehan asas yang perlu dikuasai oleh setiap orang Muslim untuk menentukan kesempurnaan sesuatu ibadah khusus seperti solat. Seseorang itu dikatakan mempunyai kemahiran membaca apabila beliau telah terlatih dalam bacaan tertentu seperti dapat memperdengarkan bacaan dengan kaedah-kaedah qira'at yang sah, suara yang baik (Tahsin al-Saut), *al-Tazyin* yang sesuai (tarannum), kuat atau perlahan dan lancar. Kemahiran membaca al-Quran itu terdiri daripada beberapa peringkat, tetapi ghalibnya, kemahiran membaca al-Quran tersebut dikategorikan kepada empat tahap yang masyhur. Bagi menyokong kenyataan ini, al-Qamtahawy (1978), United Islamic Cultural Centre of Indonesia (2005) & Ibnu al-Jazari (1997) memberikan jawapan mengenai tahap kemahiran membaca al-Quran iaitu,

1. Tahap kemahiran membaca al-Quran yang pertama adalah *al-Tartil*. Allah SWT berfirman:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا {4}

(Surah Al-Muzammil, 73: 4).

Maksudnya:

Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil".

Perkataan *al-Tartil* dalam ayat di atas adalah (kata nama terbitan) daripada kata kerja *rattala*. Menurut Ibnu Manzur (1984), *al-Tartil* ialah sebaik-baik, sempurna dan tidak terburu-buru. Pengarang kitab *Kayfiyyah al-Mustafid fi 'Ulum al-Qira'at wa al-Tajwid* menyatakan perkataan ini memberi maksud, membaca dengan terang, lemah lembut bukan keras, tidak terlalu perlahan dan tidak terlalu cepat (Al-Qabbani, 1994). Husni Sheikh Othman (1974) menyebut sebagaimana yang tercatat dalam penulisan Mohd Yusoff & Mohd (2008); "*al-Tartil ialah ucapan sesuatu perkataan yang meliputi kesemua kalimah al-Tahqiq, al-Hadr dan al-Tadwir. Mengandungi di dalamnya makna tajwid dan hukum-hukum yang mengenai dengannya serta memperelokkan bunyi sebutan dengan suara yang baik mengikut kemampuan seseorang di samping menjaga waqaf (berhenti) dan ibtida' (permulaan)*".

Kenyataan yang sama turut diperkatakan oleh Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a sepertimana yang dinukilkan oleh Ibnu al-Jazari (1997) bahawa, "*al-Tartil ialah membaiki lafaz setiap makhraj (tempat keluar huruf) secara tepat, sesuai dengan hukum serta sifatnya di samping mengetahui tempat berhenti dan permulaan*" Para ulama al-Quran menjelaskan maksud *al-Tartil* yang sebenar ialah memelihara lidah ketika melafazkan ayat-ayat al-Quran dengan berhati-hati seperti memendekkan bacaan yang perlu dipendekkan, memanjangkan bacaan yang perlu dipanjangkan, menebalkan huruf yang perlu ditebalkan, menipiskan huruf yang perlu dinipiskan, membaca secara *idgham* pada huruf-huruf yang perlu dibaca secara *idgham* (dengung) dan membaca secara *ikhfa'* (memasukkan huruf) pada huruf-huruf yang perlu dibaca secara *ikhfa'* (Al-Husari, 2001). Bacaan jenis ini bukanlah tujuan pembelajaran bahkan bertujuan penghayatan terhadap makna ayat-ayat yang dibaca dan ianya merupakan bentuk bacaan yang paling afdal (Sabilan *et al.*, 2018). Ada hadis menyatakan Rasulullah SAW membaca al-Quran secara *al-Tartil* iaitu,

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ، حَدَّثَنَا مِسْعَرٌ، عَنْ عَبْدِ بْنِ ثَابِتٍ، أَرَاهُ عَنِ الْبَرَاءِ، قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْعِشَاءِ {وَالَّذِينَ وَالرَّيْتُونَ} فَمَا سَمِعْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ صَوْتًا أَوْ قِرَاءَةً مِنْهُ.

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tauhid, Bab Qaul al-Nabiyyi shallallahu 'alaihi wasallam "al-Mahir Bil Quran Ma'a al-Kiraam al-Bararah". No. Hadis 6991. Diriwayatkan oleh al-Bara' bin 'Azib r.a. Menurut Imam al-Bukhari, hadith ini sahih)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abu Nu'aim, telah menceritakan kepada kami Mis'ar, dari 'Adi bin Tsabit seingatku beliau berkata, "Pernah aku mendengar al-Bara' bin 'Azib r.a berkata; *saya pernah mendengar Nabi Muhammad SAW saat solat Isyak membaca Surah at-Tiin. Dan Aku tidak pernah mendapati seorang yang lebih baik suara (bacaannya) lebih dari Baginda SAW*".

Justeru, *al-Tartil* merupakan nama khusus kepada bacaan al-Quran yang bernilai tinggi dan bacaannya bukan hanya semata-mata mengetahui dan memahami hukumnya sahaja tetapi juga perlu diusahakan dan diketemukan bacaan yang tepat dan perkara ini perlu dilakukan pada awal zaman kanak-kanak lagi.

2. Tahap kemahiran membaca al-Quran yang kedua adalah *al-Tahqiq*. Abbas (1985) & Leong (1998) mengatakan di dalam penulisan masing-masing bahawa, kaedah bacaan ini hampir sama dengan tahap *al-Tartil*, tetapi tempo bacaan dilakukan dalam keadaan lambat, tenang dan tidak lekas-lekas dalam mengerjakan bacaan. Bentuk bacaan ini merupakan antara yang paling baik kerana setiap makhraj, huruf, kadar bacaan mad dan dengung dibaca dengan sempurna (Anam & Mu'minah, 2017). Suwaid (2017) menyatakan bentuk ini juga sangat relevan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran khususnya individu yang baharu mengenali al-Quran kerana dapat melembutkan lidah dalam menyebut kalimah, huruf, sifat huruf dan *lahjah* (dialek) yang betul. Sebagai contoh, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (1987), Rasulullah SAW mempelajari al-Quran melalui tahap sedemikian ini apabila bersemuka dengan malaikat Jibril a.s, yakni baginda SAW menggerakkan lidahnya secara berhati-hati apabila dibacakan ayat dan menuruti setiap ayat disebutkan dengan perlahan-lahan (Mohd Nawi *et al.*, 2020)

3. Tahap kemahiran membaca al-Quran yang ketiga adalah *al-Hadr*. Annuri (2010), Pimpinan Pusat Majelis Pembinaan Taman Pendidikan al-Quran An-Nahdliyah Tulungagung (2008) & Abdul Rahman (2018) membahaskan, bentuk bacaan al-Quran ini dilaksanakan dengan ritma cepat, ringan, singkat, mad serta ghunnahnya masih mencukupi kadarnya dan tidak mencampur-aduk huruf-huruf yang lain (tiada keselarasan). Perlu diingatkan bacaan yang pantas bukan bererti tidak perlu lagi mengikuti landasan pembacaan al-Quran malah masih tetap memerhati dan memelihara hukum-hukum tajwid sepertimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Bentuk bacaan ini biasanya dilakukan oleh individu yang sudah menghafal al-Quran agar boleh mengulang bacaannya dalam waktu yang mencukupi (Mat Rusop, 2018). Misalnya, mad dengan tidak terlalu panjang, hamzah dengan *takhfif* (ringan), *izhar* dan *tasydid* (sabdu) dengan ringan.
4. Tahap kemahiran membaca al-Quran yang terakhir adalah *al-Tadwir*. Bacaan ini dilaksanakan dengan tidak terlalu cepat dan tidak terlalu perlahan. Othman (1974) mendefinisikan *al-Tadwir* dengan bacaan pertengahan antara *al-Tahqiq* dan *al-Hadar*. Al-Qabbani (1994) pula mentakrifkannya sebagai bacaan memiliki kelajuan antara *al-Tartil* dan *al-Hadar* iaitu tidak membaca terlalu perlahan dan tidak terlalu cepat dari bacaan *al-Hadar*. Maka, kesimpulannya rentak bacaan Al-Quran jenis ini dilakukan secara sederhana atau di tengah-tengah antara bentuk *al-Tartil* dengan *al-Hadr* serta tetap memelihara dan mengikuti hukum-hukum tajwid (Sumarji & Rahmatullah, 2018). Sebagai contoh, jika ukuran bacaan mad 2, 4 atau 6 *harakat* maka bentuk *al-Tadwir* memilih yang ke 4.

5. Ketetapan Dalam Pembacaan Al-Quran

Tajwid merupakan elemen terpenting dalam pembacaan al-Quran. Ilmu tajwid dikatakan muncul pada kurun ke-4 hijrah (Shukri, 2013). Ibnu al-Jazari r.h.m berkata, "*Al-Quran wajib dibaca dengan bertajwid, berdosalah pembaca yang tidak membaca dengan bertajwid, kerana al-Quran diturunkan oleh Allah SWT dengan cara itu dan begitulah kepada kita ia disampaikan*" (Al-Ansari, 2003). Begitu juga dengan al-Suyuti (2009) melalui karyanya *al-Itqan fi Ulum al-Quran* menjelaskan bahawa, apabila membaca al-Quran hendaklah seseorang itu mengucapkan huruf menurut haknya secara tertib dengan setiap huruf diucapkan mengikut makhraj dan sifat serta menuturkan secara sempurna, bukan dengan paksaan. Menurut Al-Mujahid (2011), mempelajari ilmu tajwid secara teorikal adalah fardhu kifayah, sedangkan mengaplikasikannya pula dalam bacaan ialah fardhu 'ain. Hukum fardhu ain ini terjadi apabila seseorang itu hendak membaca al-Quran samada ingin membaca sedikit ataupun banyak, samada orang yang ingin membaca itu lelaki ataupun perempuan asalkan ia dianggap sebagai orang *mukallaf* (orang yang telah akil baligh dan diwajibkan mematuhi hukum-hukum Islam) (Al-Juraysi, t.th). Allah s.w.t telah mensyariatkan hamba-Nya di dalam al-Quran bahawasanya:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُتَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا {32}

(Surah al-Furqan, 25: 32)

Maksudnya:

Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)?" al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu

Dalam hadis, Nabi Muhammad SAW turut menekankannya:

حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ مُعَاذٍ الصَّرِيرُ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرِ الْمَدَنِيُّ، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ بْنِ مُجْمَعٍ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ، عَنْ جَابِرٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - " إِنَّ مِنْ أَحْسَنِ النَّاسِ صَوْتًا بِالْقُرْآنِ؛ الَّذِي إِذَا سَمِعْتُمُوهُ يَفْرَأُ، حَسِبْتُمُوهُ يَخْشَى اللَّهَ " .

(Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Solah wal Sunnah Fiiha, Bab Fii Husni al-Saut Bil Qur'an. No. Hadis 1329. Diriwayatkan oleh Jabir r.a. Menurut Imam al-Albani hadis ini sahih)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Bisyr bin Mu'adz al-Dharir berkata, telah

menceritakan kepada kami Abdullah bin Ja'far al-Madani berkata, telah menceritakan kepada kami Ibrahim bin Isma'il bin Mujammi', dari Abu Zubair, dari Jabir r.a beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: *"Sesungguhnya orang yang paling baik suaranya dalam membaca al-Quran ialah orang yang apabila kalian mendengarnya sedang membaca (al-Quran), kalian mengiranya dia takut kepada Allah"*

حَدَّثَنِي إِبرَاهِيمُ بْنُ حَمَزَةَ، حَدَّثَنِي أَبُو أَبِي حَازِمٍ، عَنْ يَزِيدَ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبرَاهِيمَ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " مَا أَدْنُ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَدْنُ لِنَبِيِّ حَسَنِ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ "

(Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tauhid, Bab Qaul al-Nabiyyi shallallahu 'alaihi wasallam 'al-Maahir Bil Qu'ran Ma'a al-Kiram al-Bararah'. No. Hadis 6989. Dirwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Imam al-Bukhari mensahihkan hadis ini)

Maksudnya:

Telah menceritakan kepadaku Ibrahim bin Hamzah, telah menceritakan kepadaku Ibnu Abu Hazim, dari Yazid, dari Muhammad bin Ibrahim, dari Abi Salamah, dari Abu Hurairah r.a, bahawa beliau telah mendengar Nabi Muhammad SAW bersabda: *"Allah tidak pernah mengizinkan sesuatu sebagaimana izin-Nya terhadap nabi-Nya untuk memperindah suara al-Quran dan menyaringkannya."*

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا جَرِيرٌ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ طَلْحَةَ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْسَجَةَ، عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " زَيُّوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ "

(Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-Witr, Bab Istihbaab al-Tartil Fii al-Qiraah. No. Hadis 1256. Dirwayatkan oleh al-Bara' bin 'Azib r.a. Menurut Sheikh Muqbil bin Hadi al-Wadi'i, Imam al-Suyuti dan Imam al-Albani, hadis ini sahih)

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Uthman bin Abi Syaibah, telah menceritakan kepada kami Jarir, dari al-A'masy, dari Thalhah, dari Abdurrahman bin 'Ausajah, dari al-Bara' bin 'Azib r.a beliau berkata; Rasulullah SAW bersabda: *"Perindahkanlah al-Quran dengan suara kalian."*

Pengertian secara umum yang boleh ditelusuri melalui dalil-dalil di atas bahawa, Islam menuntut umatnya yang membaca al-Quran agar membacanya dengan bacaan yang paling baik, sempurna, difahami, dan bertajwid. Berpandukan dalil-dalil di atas jelaslah bahawa, seseorang itu hendaklah membaca al-Quran dengan mencantikkan sebutan huruf, dan menyebut kalimah atau lafaz al-Quran dengan baik. Jika sekiranya tiada seorang pun dalam sesuatu kelompok masyarakat yang mahir ilmu tajwid dan boleh mengajarkannya antara satu sama lain, semestinya kesemua masyarakat tersebut telah berdosa (Al-Syed, 1995). Sementelahan itu, Al-Husari (2001) berpandangan bahawa, betul bacaan seseorang itu bukanlah bergantung kepada kemahiran atau sejauh mana seseorang itu mengetahui semua hukum tajwid. Hukum mempelajari ilmu tajwid yang disabitkan kepada orang ramai hanyalah sunat dan bukannya wajib. Hal ini demikian kerana, ilmu tajwid sama dengan ilmu-ilmu berkaitan ibadat yang lain seperti ilmu Fekah kerana tidak memerlukan kepada pengetahuan yang terperinci kecuali maklumat asas sahaja. Sebaliknya, bagi ahli ilmu yang mahir dalam sesuatu bidang agama, hukum mempelajarinya ialah fardu kifayah kerana sekiranya dalam satu kawasan tidak terdapat mana-mana individu yang mahir mengajar ilmu tajwid dan boleh menjadi rujukan utama kepada masyarakat setempat.

Dalam pembacaan al-Quran, para ulama al-Quran meletakkannya sebagai wajib dan membahagikan kepada dua kriteria iaitu wajib syarie dan wajib sinai (Al-Juraysi, t.th). Wajib Syar'i bermaksud sesuatu amalan yang menerima ganjaran pahala apabila dilakukan oleh *mukallaf* dan berdosa apabila ditinggalkan dengan sengaja. Dalam hukum-hakam pembacaan al-Quran, rukun tilawah, kesalahan-kesalahan dalam pembacaan al-Quran dan martabat pembacaan al-Quran perlu dijaga (Hassan, 2018). Umat Islam wajib memelihara semua sebutan huruf, baris dan kalimah yang telah terbina di dalam al-Quran. Jika semua peraturan dan undang-undang pembacaan dijaga, pembaca berhak mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT, sebaliknya jika sengaja meninggalkannya maka seyogianya pembaca juga berhak mendapat balasan buruk dan kehinaan.

Untuk perkara wajib *Sinai* ialah sesuatu amalan yang elok dibuat dan tidak baik ditinggalkan. Misalnya, meninggalkan bacaan dengung kadar dua *harakat* secukupnya, menebalkan huruf-huruf yang perlu ditebalkan, memendekkan lagi sebutan huruf-huruf yang perlu dipendekkan dan lain-lain lagi.

Kepandaian membaca al-Quran tidak akan diperoleh melainkan dengan berguru iaitu sama ada secara *talaqqi* (membaca secara bersemuka di hadapan guru), *musyafahah* (guru membaca terlebih dahulu, murid mendengar) mahupun *sama'* (hanya mendengar bacaan daripada guru). Ini merupakan sunnah para salaf yang diamalkan oleh para sahabat apabila mereka menerima kaedah yang sama dilakukan oleh Rasulullah SAW (Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017). Segala cara sebutan dan bacaan seperti *maqtu'*, *mausul*, *isymam*, *tashil*, *tafkhim*, *tarqiq*, *imalah*, *taqlil*, *rawm*, *qasr*, *rakhawah*, *jahr*, *hams* atau seumpamanya sangat sukar dipelajari hanya melalui pembacaan buku-buku tajwid. Seterusnya, tidak dapat dibantah lagi mengenai faedah mempelajarinya, antaranya seperti berikut:

1. Memelihara lidah daripada kesalahan-kesalahan dalam membaca al-Quran.
2. Mencapai keyakinan dalam pembacaan al-Quran yang betul.
3. Mengenali secara tepat bunyi dan sifat huruf betul, selain memahami hukum berkaitan dengan panjang dan pendek setiap huruf.
4. Bacaan baik akan menarik aura positif tidak hanya bagi pembacanya, bahkan turut terkesan terhadap pendengar

Ilmu tajwid merupakan ilmu yang berhubung secara langsung dengan seagung-agung kitab iaitu al-Quran. Kendatipun masih merangkak-rangkak, buta huruf atau tidak fasih dengan ilmu tajwid, ketahuilah, Allah SWT menjanjikan ganjaran yang besar buat hamba-hamba-Nya yang rela menghabiskan waktu dengan al-Quran. Perkara ini dinyatakan melalui sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، وَ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْعَبْرِيِّ، جَمِيعًا عَنْ أَبِي عَوَانَةَ، - قَالَ ابْنُ عَبِيدٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، - عَنْ زُرَّارَةَ بْنِ أَوْفَى، عَنْ سَعْدِ بْنِ هِشَامٍ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ " .

(Muslim, Sahih Muslim, Kitab Solah al-Musafirin wa Qasriha, Bab Fahl al-Mahir Bil Qu'ran wal Lazy Yata'ta'u Fih. No. Hadis 1329. Diriwayatkan oleh Sayyidatina 'Aisyah r.ha. Menurut Imam Muslim hadis ini sahih)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id dan Muhammad bin Ubaid al-Ghubari, semuanya dari Abu 'Awanah - Ibnu Ubaid - berkata, telah menceritakan kepada kami Abu 'Awanah, dari Qatadah, dari Zurarah bin Aufa, dari Sa'd bin Hisyam, dari Sayyidatina 'Aisyah r.ha berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Seseorang yang lancar membaca al-Quran akan bersama para malaikat yang mulia dan sentiasa selalu taat kepada Allah SWT. Adapun, yang membaca al-Quran dan tersekat-sekat di dalamnya dan sulit atasnya bacaan tersebut, maka, baginya dua pahala."

Sesungguhnya, hukum tajwid merangkumi hukum huruf mad, nun sukun, tanwin, mim sukun dan jenis-jenis mad (Arifin, 2009). Hukum *izhar*, *iqlab*, *ikhfa'*, *idgham bighunnah* dan *idgham bilaa ghunnah* yang menjadi antara asas lima tajwid wajib diketahui dan diamalkan oleh umat Islam. Umat Islam juga wajib memelihara lafaz-lafaz ayat al-Quran yakni sebutan barisnya sama ada di depan, bawah, atas, mati, *syaddah*, tiada *syaddah* dan sebagainya kerana sekiranya tertinggal daripada mengamalkan kaedah tersebut, pasti dosa dan balasan buruk akan menimpanya. Ini merupakan kesepakatan yang dipersetujui oleh para ulama.

6. Pembacaan Al-Quran Dalam Pendidikan Masa Kini

Saban tahun, kepentingan bidang pendidikan Al-Quran melalui kurikulum Pendidikan Islam semakin hangat dibicarakan berikutan daripada idea bernas oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2003 yang membawa kepada munculnya program Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain (j-QAF) (Mohd Zin, 2018). Menurut Nik Din & Noruddin (2011), terdapat empat objektif yang telah digariskan dalam program j-QAF iaitu, kebolehan membaca dan menulis jawi, berjaya menamatkan atau menghabiskan bacaan al-Quran semasa berada di sekolah rendah, menguasai ilmu bahasa Arab dengan baik dan mempunyai pengetahuan asas mengenai hukum hakam Fardu Ain. Pada hakikatnya, matlamat dan hala

tujuan pendidikan al-Quran ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu mengaplikasikan bacaan dan hafalan al-Quran dengan cemerlang, mendidik pelajar agar istiqamah (berterusan) membaca dan menghafal al-Quran di mana jua, mewujudkan jiwa yang dilatih dengan panduan al-Quran dan membangunkan kemahiran pelajar agar berkebolehan mentadabbur (menghayati) sumber al-Quran dalam aktiviti seharian sama ada secara individu mahupun dalam masyarakat.

Penerapan pembelajaran pembacaan al-Quran yang berpandukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), telah dilaksanakan dan sistem ini telah merangkumi sebahagian daripada kandungan pendidikan Islam (Che Noh & Ahmad Tarmizi, 2009). Dalam bidang asuhan pembacaan al-Quran, ia menumpukan sebutan, penghayatan dan amalan ayat-ayat al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid yang betul, mempelajari dan memahami ayat-ayat al-Quran yang telah dikategorikan sebagai ayat kefahaman dan menghafalan ayat-ayat al-Quran yang terpilih mengikut hukum-hukum tajwid yang tepat (Zakaria, *et al.*, 2010). Begitu juga dengan Pusat Perkembangan Kurikulum oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), semakan kurikulum Pendidikan Islam KBSM oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) pada 2002 telah membawa kepada manifestasi kurikulum baharu mulai 2003 pada peringkat Tingkatan 1. Jadi, silibus mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM bersinambungan kepada beberapa bidang berikut, pertama, pendidikan Al-Quran yang mencakupi pembacaan, hafalan dan kefahaman dan hadith. Kedua, Ulum Syariah yang berkaitan akidah, ibadah, akhlak Islamiyah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Sementara itu, peruntukan sesi pengajaran Pendidikan Islam bagi tahap menengah rendah (tingkatan 1-3) ialah 240 minit atau enam waktu seminggu dan bagi peringkat menengah atas (tingkatan 4-5) ialah 160 minit atau empat kali seminggu (Che Noh & Ahmad Tarmizi, 2009).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pembacaan al-Quran di sekolah, penekanan diberikan selepas beberapa orang murid membaca al-Quran dan guru hanya menafsirkan maksud ayat (Ahmad, t.th). Guru juga ada berbincang bersama murid tentang maksud daripada makna ayat itu dan meminta murid mengeluarkan isi penting daripada makna ayat. Walau bagaimanapun, keadaan ini bertambah teruk apabila guru tidak membincangkan aspek ilmu hukum tajwid secara terperinci selain hanya menfokuskan sesuatu bacaan yang salah semata-mata tanpa membetulkannya (Tamuri *et al.*, 2013). Dapatan yang diperoleh Na'am (2005) juga menunjukkan bahawa, bidang pembacaan al-Quran hanya berorientasikan kepada kepandaian membaca, sedangkan aktiviti khatam al-Quran tidak diberikan tumpuan oleh pihak sekolah dan lebih memburukkan urusan pembacaan al-Quran diserahkan bulat-bulat kepada masyarakat.

Melihat kepada kandungan Pendidikan Islam bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), antara strategi pembelajaran pendidikan al-Quran yang ditekankan dalam KSSM adalah pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, pembelajaran luar bilik darjah, pembelajaran konstruktivisme, pembelajaran berasaskan inkuiri, talaqqi dan musyafahah. Strategi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi memastikan keberkesanan dan kemenjadian pelajar. Seterusnya, pendidikan al-Quran juga perlu mempunyai elemen merentas kurikulum (EMK) antaranya adalah bahasa, kelestarian alam sekitar, nilai murni, sains dan teknologi, patriotism, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi dan komunikasi, kelestarian global dan pendidikan kewangan. Penerapan EMK ini amat penting dalam semua matapelajaran termasuklah pendidikan al-Quran. Ianya bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan dan mampu mengharungi cabaran semasa. Pentaksiran juga amat dititikberatkan dalam pendidikan al-Quran ini dapat dilihat berdasarkan Panduan Pentaksiran Amali Solat, Pembacaan dan Hafazan al-Quran (PATH) Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Semua pelajar yang mengambil Pendidikan Islam wajib dinilai berdasarkan PATH. Begitu juga bagi Maharat al-Quran dan Hifz al-Quran berdasarkan pentaksiran sekolah (PS) dan ianya boleh dilaksanakan secara formatif atau sumatif. PS ini berperanan untuk mengukuhkan pembelajaran murid serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang dilaksanakan dan dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran selain menentukan keberkesanan guru dan sekolah dalam menghasilkan insan yang harmoni serta seimbang.

Bidang pembacaan al-Quran bukanlah suatu perkara yang diajar secara sehalu, bahkan bersifat holistik. Dengan kata lain, pembacaan al-Quran bukan sekadar menfokuskan dari aspek bacaan semata-mata, walhal lebih daripada itu (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam, 2013; Othman, 2020). Sememangnya, segelintir guru yang mahir dalam bacaan al-Quran akan membuatkan murid senang mengikutinya sama ada secara beramai-ramai, kumpulan mahupun perseorangan. Menurut dapatan kajian yang

diperoleh daripada Wan Abdullah (2017) mendapati, setiap pengajaran yang diberikan oleh guru kepada murid ditulis di papan putih sebagai nota. Guru merumuskan pengajaran daripada ayat al-Quran dan membuat refleksi berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), seterusnya menyarankan murid agar beramal dengan apa yang dinyatakan di dalam ayat yang dibaca. Natiujahnya, dalam Pendidikan Islam KBSM mahupun KSSM, pembacaan al-Quran merupakan salah satu keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Bidang pembacaan al-Quran memiliki kriteria yang berbeza berbanding subjek lain kerana keseluruhan aspek yang dititiberatkan melibatkan seni bacaan, kelancaran bacaan, lantunan suara, sebutan huruf (Fasahah), makhraj huruf, penguasaan tilawah bertajwid atau qiraat, dan mengenali *kaiyyah* (ciri khusus) dalam bacaan iaitu Tartil, Tadwir, Hadar dan sebagainya.

Selain itu, contoh lain yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran pembacaan al-Quran iaitu jika adanya topik-topik menarik yang relevan dan perlu dibincangkan dalam kumpulan kecil bagi tujuan pengajaran, maka guru perlu membentuk beberapa kumpulan dan memberikan topik untuk dibincangkan bersama, sama ada tajuk yang serupa untuk semua kumpulan ataupun tajuk yang berbeza, jadi pilihan yang kedua ini lebih diutamakan (Dengo, 2018). Setiap kumpulan seharusnya memiliki wakil ketua dan juru tulis bagi melancarkan lagi tugas-tugas tersebut dijalankan. Apabila selesai masa yang diberikan, setiap kumpulan hendaklah menghantar wakil kumpulan untuk menerangkan isi yang dikumpulkan tadi. Akhirnya guru pendidikan Islam membuat ringkasan dan kesimpulan pengajaran yang dipetik daripada ayat berkenaan. Tidak dapat dinafikan bahawa, pengajaran pembacaan al-Quran tidak mempunyai sebarang perbezaan ketara dengan pendidikan tahfiz dan kefahaman ayat al-Quran. Kesemuanya berdasarkan kepada bacaan guru kerana bacaan guru merupakan contoh terbaik. Oleh sebab itu, guru pendidikan Islam mesti menguasai bacaan al-Quran dengan baik, betul dan fasih bagi sebutan huruf dan kalimahannya, kerana perkara ini akan diikuti dan ditiru oleh murid. Jika baik dan betul bacaan guru, maka akan baiklah bacaan murid.

7. Kesimpulan

Tuntasnya, kajian ini sama ada secara langsung atau tidak, dapat memberikan pendedahan dan gambaran sebenar tentang konseptualisasi pembacaan al-Quran, kemahiran membaca al-Quran, ketetapan dalam pembacaan al-Quran dan pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa ini. Pelbagai maklumat yang melibatkan hukum asas pembacaan dan pengetahuan umum mengenai pembacaan al-Quran juga dapat diketengahkan dalam kajian ini. Justeru, hasil daripada maklumat yang diperolehi ini, diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada pihak pengkaji, pendidik, ibu bapa dan para pelajar agar berusaha dengan lebih kuat untuk memperbaiki kelemahan dari semua aspek termasuk bacaan Al-Quran.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abbas, I. (1985). *Memahami tajwid dan tartil al-Quran*. Kuala Lumpur: Sri Kota

Abdul Rahman, M. (2018). *Mahir Tahsin Panduan Ilmu Tajwid*. Makassar: Itqan Manajemen, 12.

Adhim, M. F. (2007). *Membuat Anak Gila Membaca*. Bandung: Mizani.

Ahmad, M. Y. (t.th). *Kaedah Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Retrieved from https://pendislami.tripod.com/kaedah_al-quran.htm. Access date: 27 Disember 2020.

Al-Ansari, Z. M. (2003). *Syarh al-Jazariyyah al-Musamma al-Daqaiq al-Muhkamah fi Syarh al-Muqaddimah*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (1987). *Al-Jami' al-Sahih*, Kitab Bad'I al-Wahy, (jil. 1). Misr: Dar al-Sha'b,

Al-Husari, M. K. (2001). *Ahkam Qira'at al-Quran al-Karim*, Beirut, Dar al-Basyair al-Islamiyyah

Al-Juraysi, M. M. N. (t.th). *Nihayah al-Qawl al-Mufid fi 'Ilm al-Tajwid*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah, 29

Al-Mubarakfuri, S. A. (1979). *Ar-Raheeq al-Makhtum: Sirah Nabawiyah*. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Al-Mujahid, A. T. H. (2011). *Ilmu Tajwid: Pegangan ParaPengajar Al-Qur'an dan Aktivis Dakwah*. akarta: Darus Sunnah Press

Al-Nawawi, Abu Zakaria Mohiuddin Yahya Ibn Sharaf. (2019). *Al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim*, jil. 6. United Stated: The Islamic Foundation, 90.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Mohiuddin Yahya Ibn Sharaf. (2007). *Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*. Beirut,

- Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Qabbani, M. A. (1994). *Kayfiyyah al-Mustafid fi 'Ulum al-Qira'at wa al-Tajwid* (terj. Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar). Kuala Lumpur: Penerbit Kintan Sdn.Bhd, 10.
- Al-Qamtahawy, M. S. (1978). Kedudukan Huruf Dalam al-Quran (Bab Kedua). *Manuskrip tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Retrieved from https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwily8PA_vDtAhXqzzgGHayaD3QQFjAEegQIBhAC&url=http%3A%2F%2Fstudentsrepo.um.edu.my%2F1315%2F3%2FBAB2.pdf&usq=AOvVaw1DKrldGQQfm04T94udEOUN
- Al-Suyuti, J. (2009). *Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Makkah: Dar Alghad Algadeed
- Al-Syed, A. A. (1995). *Al-'Idah Fi Tajwid Kalam al-Bari*. Kaherah: Maktabah al-Kaherah
- Al-Zarkasyi, Abu Abdillah Badruddin Muhammad bin Bahadir bin Abdullah. (1972). *Al-Burhan Fii Ulumul Qur'an*. Beirut, Lubnan: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Anam, A. S. & Mu'minah, A. (2017). *Pengantar Ilmu Tahsin : Kunci Mudah dan Praktis Membaca Al-Qur'an*. Surakarta: Yuma Pustaka, 6.
- Annuri, A. (2010). *Panduan Tahsin Tilawah Al-Qur'an & Pembahasan Ilmu Tajwid*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 29-30.
- Arifin, L. (2009, Julai 25). Berguru dalam ilmu tajwid. Latifah Arifin. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/588867/berguru-dalam-ilmu-tajwid>
- As-Saboony, M. A. (1985). *At-Tibyan fi Ulumul Quran*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Che Noh, M. A. & Ahmad Tarmizi, R. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (1), 93-109. ISSN 0126-6020/2180-0782. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/212/>
- Dengo, F. (2018). Penerapan Metode Gallery Walk Dalam Meningkatkan Hasil Belajar Peserta Didik Pada Pembelajaran IPA. *TADBIR : Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 6(1), 40-52. Retrieved from <http://journal.iaingorontalo.ac.id/index.php/tjmpi/article/download/505/410>
- Departemen Pendidikan Nasional. (2002). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam. (2013). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- El-Muhammady, A. H. (1991). *Pendidikan Islam: falsafah, disiplin dan peranan pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam
- Hasbi Ashshiddiqi. (Pnyt). (1992). *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah : Kadim al-Harramah Departmen dan Wakaf Saudi Arabia.
- Hassan, J. (2018). Kepentingan Etika Tilawah Al-Quran Dan Kesannya Terhadap Bacaan Al-Quran. *Jurnal 'Ulwan*, 3(1), 132-145. Retrieved from <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/290/251>
- Hj Abu Bakar, M. K. & Che Mat, A. (2015). Profil demografi pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dalam pembacaan alquran. *e-Academia Journal*, 4(2),
- Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri. (1984). *Lisan al-'Arab* (jil. 11). Beirut: Dar Sadir, 265.
- Ibnu al-Jazari, Syihab al-Din Abi Bakr Bin Ahmad Bin Muhammad, (1997). *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 34.
- Ibnu Khaldun, Abd Al-Rahman Ibnu Muhammad. (1993). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Modul pengajaran pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019), *Dokumen Standard Sekolah Menengah. Maharat al-Quran*. Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017), *Panduan Pentaksiran Solat, Tilawah dan Hafazan al-Quran KSSM Pendidikan Islam*. Putrajaya
- Leong, A. Q. (1998). *Tajwid al-Quran rasm 'uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mat Rusop, A. F. (2018). *Nota Ringkasan Asas Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani Riwayat Hafis Imam 'Asim*. Wangsa Maju, Kuala Lumpur: Fatehah Learning Centre. Retrieved from <https://cepatquran.com/blog/wp-content/uploads/2018/01/NOTA-RINGKASAN-ASAS-TAJWID-21.pdf>
- Mohd Nawi, M. Z. (2016, Mac 10). Faktor mahasiswa kurang membaca. *Utusan Online*. Retrieved from <https://kheru2006.livejournal.com/1588961.html>

- Mohd Nawī, M. Z., Omar, M. R & Mohd Nor, M. A. (2020). *Pendidikan Tahfiz Sepadu Dunia Akhirat*. Sungai Buloh, Selangor: Santai Ilmu Publication. ISBN: 978-967-2361-33-6. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/347518029_Pendidikan_Tahfiz_Sepadu_Dunia_Akhirat
- Mohd Nawī, M. Z. (2020). Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan (The Implementation of Islamic Education during Prophet Muhammad s.a.w Era in Mecca and Medina: A Review). *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(3), 27-43. DOI: <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n3.430>
- Mohd Yusoff, M. Y@Z., & Mohd, S. (2008). Keupayaan bacaan al-quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan : Journal of al-Quran and al-Hadith*, 6, 58-85. Retrieved from <http://www.myjournal.my/public/article-view.php?id=8603>
- Mohd Zin, S. M. (2018, Mac). Kelebihan Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Secara Bertajwid Menggunakan Kaedah Al-Matien. *International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018* (THIQAH 2018). Ilim, Bangi, Selangor, e-ISBN :978-967-2122-37-1. Retrieved from https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwj0m-c-ertAhUYzzgGHf2RCHwQFjACegQIARAC&url=http%3A%2F%2Fconference.kuis.edu.my%2Fthiqah%2Fimages%2Feprosiding%2F1023_THIQAH2018.pdf&usq=AOvVaw07K_QKGC0QI0vRCzWDLavv
- Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2017, Februari 20). Kepentingan Mempelajari Al-Quran dalam Irsyad al-Hadith Siri Ke-163. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1014-irsyad-al-hadith-siri-ke-163-kepentingan-mempelajari-al-quran>
- Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2019, Mei 28). Quran Turun Sekaligus Atau Berperingkat dalam Irsyad Al-Fatwa Khas Ramadhan Siri Ke-142. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/3434-irsyad-al-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-142-quran-turun-sekaligus-atau-berperingkat>
- Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2018, Jun 26). *Al-Quran: Kalamullah Yang Mukjizat Siri ke-139*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>
- Muhamad Don, M. A. (2020, Mei 10). Fahami erti sebenar Nuzul al-Quran. *Sinar Harian Online*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/82805/KHAS/Pendapat/Fahami-erti-sebenar-Nuzul-al-Quran>
- Nik Din, N. M. & Noruddin, N. (2011). Penerapan Aspek Bahasa, Budaya dan Pendidikan Terhadap Buku Teks Bahasa Arab Dalam Program j-QAF. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari*, Jilid 4 (Julai), 27-41. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/22>.
- Na'am, H. (2005). Pelaksanaan j-Qaf. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-4*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, M. S. (2020, Mac 24). Keutamaan tadabbur al-Quran. *Harian Metro Online*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/557832/keutamaan-tadabbur-al-quran>
- Othman, M. Y. (2012). Penghayatan Sains Melalui al-Quran di dalam “Koleksi Kertas Kerja Seminar al-Quran”. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Retrieved from <http://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-48-39/kertas-kerja-seminar/seminar-al-quran-1/200-himpunan-kertas-kerja-seminar-al-quran-2012?format=html>
- Othman, H. S. (1974). *Haq al-Tilawah*. Udan: Maktabah al-Manar, 37
- Pimpinan Pusat Majelis Pembinaan Taman Pendidikan Al-Qur'an An-Nahdliyah Tulungagung. (2008). Pedomannya Pengelolaan Taman Pendidikan Al-Qur'an Metode Cepat Tanggap Belajar Al-Qur'an An-Nahdliyah. Tulungagung: Pimpinan Pusat TPQ An-Nahdliyah, 1-2.
- Qamhawi, M. A. (2003). Al-'Ijaz wa al-Bayan fi 'Ulum al-Qur'an. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah.
- Sabilan, S., Ibrahim, B., Mohamed Lip, S., Ishak, M. F. & Mohni, S. N. (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf. Kertas kerja dibentangkan di “Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016)”. Eagle Bay, Langkawi. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/325194277_Analisis_Tahap_Penguasaan_Bacaan_Al-Quran_Murid_Tahun_5_Sekolah_Kebangsaan_Sungai_Karang_Berdasarkan_Model_Khatam_Al-Quran_Dan_Model_Tasmik_J-Qaf
- Sumarji & Rahmatullah. (2018). Inovasi Pembelajaran Al-Quran. *TA'LIMUNA*, 7(1). ISSN 2085-2975.

- Retrieved from <https://e-journal.staima-alhikam.ac.id/index.php/talimuna/article/download/148/136>
- Shukri, A. K. (2013). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*, Ed. Ke-2. Jamiah al-Muhafazah 'ala al-Qur'an al-Karim Jordan, Amman: al-Matabi` al-Markaziyah.
- Suwaid, A. R. (2017). *Al-Quranul Karim dan Ilmu Tajwid*. Sukoharjo: Zamzam, 22.
- Shihab, M. Q. (2007). *Ensiklopedia Al-Quran*, Jakarta: Lentera Hati,
- Tamuri, A. H., Ismail, A. M., Md. Noor, A. H. & Mohd Pisol, M. I. (2013). Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah Al-Quran Program J-Qaf. *International Journal Of Islamic Thought*, Vol. 3.
- United Islamic Cultural Centre Of Indonesia. (2005). *Tajwid Qarabasy*. Jakarta: Rawamangun. Retrieved from http://www.uiccijogja.org/uploads/1/3/0/5/13054200/tajwid_qarabasy.pdf
- Wan Abdullah, W. M. Z. (2017). Evidens Pentaksiran Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah. *Manuskrip tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zakaria, H. B., Awang @ Husain, M. H., Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., & Kassim, N. (2010). Isu Dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. Kertas kerja dibentangkan di Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, pada 8-10 November. Retrieved from Http://File.Upi.Edu/Direktori/Proceeding/Upi-Upsi/2010/Book_5/Isu_Dan_Cabaran_Guru_Dalam_Pendidikan_Al-Quran_Pelajar_Bermasalah_Penglihatan.Pdf